

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
BENGKEL PENYEDIAAN LAPORAN AKHIR
IRMIS-GERAN DUCS
DAN
AMALAN BAIK PENGURUSAN PROJEK UNTUK
PENYELIDIKAN & INOVASI**

**8 DISEMBER 2025 | ISNIN | 8.30 PAGI
BILIK SEMINAR 2, PTAR
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBHI AJMAIN**

YBrs. Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi
UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Prof. Madya Ir Dr Abang Anuar Ehsan
Felo Penyelidik
Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

YBrs. Dr. Mohd Shafiq Aazmi
Ketua Unit Pemantauan
Research Management Centre (RMC) UiTM

YBrs. Pn. Norazlin Haji Suboh

Ketua Unit Operasi

Research Management Centre (RMC) UiTM

Barisan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan
Selangor

Para pegawai Bahagian Penyelidikan dan Inovasi,
UiTM Cawangan Selangor

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang
saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku**

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, kita dapat bersama-sama dalam **Bengkel Penyediaan Laporan Akhir IRMIS-Geran DUCS dan Amalan Baik Pengurusan Projek Untuk Penyelidikan & Inovasi.**
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada **Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BP&I)** atas penganjuran yang berterusan dalam memupuk ekosistem penyelidikan yang aktif, progresif dan berimpak tinggi.
3. Seterusnya, kepada para penceramah jemputan serta semua peserta yang hadir kerana komitmen dan kesungguhan dalam memperkukuh budaya penyelidikan di UiTM Cawangan Selangor.

4. Saya melihat program seperti ini amat signifikan sebagai medium pembangunan kapasiti penyelidik dan selaras dengan aspirasi universiti untuk memperkukuh tadbir urus penyelidikan yang lebih cekap, telus serta berimpak.
5. Saya dimaklumkan bahawa jumlah keseluruhan geran penyelidikan telah meningkat daripada **RM13 juta (2024) kepada RM18.9 juta (2025)**, termasuk Geran DUCS dan Geran SEPADAN berjumlah **lebih RM900 ribu (RM999,250)**.
6. Dengan pencapaian ini, saya yakin UiTM Cawangan Selangor berada pada momentum terbaik untuk terus mengembangkan penyelidikan berimpak tinggi, memacu inovasi serta memperkukuh kedudukan universiti di peringkat nasional dan global.

7. Kejayaan ini turut mencerminkan kemampuan dan daya saing penyelidik kita dalam meraih kepercayaan daripada pelbagai agensi pembiayaan.

Hadirin sekalian,

8. Pengurusan projek yang mantap bukan sahaja memastikan geran dibelanjakan dengan berkesan, malah menjadi nadi kepada keberhasilan penyelidikan.

9. Saya difahamkan bahawa aspek perancangan, pemantauan kemajuan, pengurusan kewangan dan dokumentasi masih menjadi cabaran.

10. Justeru bengkel ini dilaksanakan sebagai langkah proaktif untuk memperkukuh kefahaman dan kemahiran penyelidik dalam mengurus geran secara sistematik.

11. Menurut data dari tahun 2020 sehingga Mei 2025 sebanyak **29** geran DUCS yang telah tamat tempoh tetapi masih berstatus **AKTIF**.
12. Melalui bimbingan berterusan daripada pihak RMC, saya yakin lebih banyak geran DUCS dapat ditutup tepat pada waktunya, sekali gus mengurangkan isu ketidakpatuhan dan meningkatkan integriti pengurusan geran.
13. Untuk makluman semua, pelaporan akhir geran melalui IRMIS bukan sahaja merupakan proses pematuhan, malah menjadi rekod rasmi prestasi penyelidikan yang memberi kesan langsung kepada reputasi dan kepercayaan pemberi dana.
14. Saya berharap para penyelidik dapat memanfaatkan sepenuhnya sesi hari ini, khususnya untuk meningkatkan keberkesanan

pelaksanaan projek serta memastikan setiap geran ditutup dengan laporan yang berkualiti.

15. Akhir kata, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada semua penyelidik dan pihak terlibat atas komitmen dan dedikasi yang tinggi.

16. Semoga segala usaha ini terus memperkukuh kecemerlangan penyelidikan di UiTM Cawangan Selangor dan memberi impak positif kepada universiti, industri serta masyarakat.

Mentari pagi menyinari bumi,
Burung berkicau riang di laman;
Penyelidik cekap, berilmu tinggi,
Impaknya bukan sekadar penerbitan.

17. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya sukacitanya merasmikan **Bengkel Penyediaan Laporan Akhir IRMIS-Geran DUCS Dan Amalan Baik Pengurusan Projek Untuk Penyelidikan & Inovasi.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**